

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA

# WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO

GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

**ISI**

Kenyataan Bilangan	Perkara	Muka
S 50	Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68) — Peraturan- Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Basikal), 2006 ... ...	2000

---

Kenyataan berikut adalah disiarkan bagi makluman ramai dengan Titah Perintah  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

## CONTENT

Notification Number	Subject	Page
S 50	Road Traffic Act (Chapter 68) — Road Traffic (Bicycles)	
	Regulations, 2006 ... ... ... ... ... ... ... ... ... ... ...	2007

The following Notification is published for general information by Command of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(BASIKAL), 2006**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**Peraturan**

1. Gelaran.
  2. Tafsiran.
  3. Menunda tidak dibenarkan.
  4. Sekatan ke atas jumlah orang yang dibawa.
  5. Penunggang hendaklah memberikan isyarat.
  6. Isyarat hendaklah dibuat dalam masa yang mencukupi.
  7. Perjalanan beriringan adalah dilarang.
  8. Basikal hendaklah ditunggang di sebelah kiri jalan raya.
  9. Muatan di atas basikal.
  10. Basikal hendaklah ditunggang dengan tertib.
  11. Basikal hendaklah mempunyai lampu pada waktu malam.
  12. Sekatan ke atas jenis lampu.
  13. Memakai topi keledar pelindung.
  14. Topi keledar pelindung.
  15. Hukuman.
-

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(BASIKAL), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

**Gelaran.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Basikal), 2006.

**Tafsiran.**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"basikal" bermakna sesebuah basikal pedal dan termasuk sesebuah basikal pedal roda tiga;

"waktu malam" bermakna masa antara matahari terbenam dan matahari terbit;

"topi keledar pelindung" bermakna topi keledar yang disebut dalam peraturan 14.

**Menunda tidak dibenarkan.**

3. Sesebuah basikal tidak boleh ditunda oleh mana-mana kenderaan lain, apabila berada di atas mana-mana jalan raya.

**Sekatan ke atas jumlah orang yang dibawa.**

4. Sesebuah basikal tidak boleh digunakan untuk membawa orang pada mana-mana satu masa melebihi dari jumlah yang baginya basikal itu direkabentuk dan pembonceng tidak boleh dibawa di atas sesebuah basikal:

Dengan syarat bahawa seseorang kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah boleh dibawa di atas tempat duduk atau pembawa yang sempurna dibina yang dipasang pada sesebuah basikal pedal.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Penunggang hendaklah memberikan isyarat.**

5. Penunggang sesebuah basikal hendaklah, untuk memberitahu lalulintas bahawa dia berniat —

(a) untuk 'berhenti', menghulurkan tangan kanannya secara mendatar dengan lengan bawah tegak dan tapak tangan ke hadapan;

(b) untuk 'perlahan', menghulurkan tangan kanannya secara mendatar dengan tapak tangannya ke bawah, dan menggerakkan tangannya ke atas dan ke bawah beberapa kali;

(c) untuk 'pergi ke kanan,' menghulurkan tangan kanannya secara mendatar dengan tapak tangan ke hadapan; dan

(d) untuk 'pergi ke kiri', menghulurkan tangan kirinya secara mendatar dengan tapak tangan ke hadapan.

**Isyarat hendaklah dibuat dalam masa yang mencukupi.**

6. Isyarat-isyarat di bawah peraturan 5 hendaklah dibuat dalam masa yang mencukupi untuk membolehkan lalulintas mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan bahaya.

**Perjalanan beriringan adalah dilarang.**

7. (1) Sesebuah basikal pedal tidak boleh ditunggang di sebelah kanan kenderaan lain yang pergi ke hala yang sama kecuali apabila memotong kenderaan lain itu.

(2) Sesebuah basikal tidak boleh ditunggang di sebelah kanan mana-mana 2 buah basikal lain yang pergi beriringan ke arah yang sama, kecuali apabila memotong basikal-basikal lain itu atau di atas bahagian-bahagian jalan raya atau laluan yang diuntukkan bagi penggunaan khas basikal.

(3) Di mana sahaja, mana-mana bahagian jalan raya atau laluan yang bersebelahan dengan jalan raya telah diuntukkan bagi penggunaan khas basikal, sesebuah basikal tidak boleh digunakan di atas mana-mana bahagian lain jalan raya.

**Basikal hendaklah ditunggang di sebelah kiri jalan raya.**

8. Setiap basikal hendaklah ditunggang dekat dengan sisi sebelah kiri jalan dan dengan cara yang tidak akan menghalang kenderaan-kenderaan yang dipandu dengan laju.

**Muatan di atas basikal.**

9. (1) Berat muatan di atas mana-mana basikal tidak boleh lebih dari 18 kilogram atau mempunyai dimensi yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya, halangan atau gangguan kepada orang-orang yang menggunakan jalan raya, dan setiap muatan hendaklah diikat dengan sempurna dan teguh pada basikal itu.

(2) Muatan di atas mana-mana basikal pedal roda tiga tidak boleh berjuntaian di atas badan yang dipasang pada basikal itu atau tinggi sebarang muatan itu tidak boleh lebih dari satu meter dari paras tanah.

**Basikal hendaklah ditunggang dengan tertib.**

10. Sesebuah basikal tidak boleh ditunggang atau digerakkan kecuali dengan tertib dan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keselamatan orang lain.

**Basikal hendaklah mempunyai lampu pada waktu malam.**

11. (1) Setiap basikal hendaklah, pada waktu malam, mempunyai sebiji lampu yang menunjukkan ke hadapan cahaya putih yang boleh dilihat dari jarak yang munasabah.

(2) Setiap basikal pedal roda tiga hendaklah, pada waktu malam, mempunyai sebiji lampu yang dipasang pada sebelah kanan kenderaan itu dan menunjukkan ke hadapan cahaya putih yang boleh dilihat dari jarak yang munasabah.

(3) Setiap basikal hendaklah, pada waktu malam, mempunyai sebiji lampu atau pemantul cahaya merah yang menunjukkan ke belakang cahaya merah atau pemantul cahaya merah yang boleh dilihat dari jarak yang munasabah.

**Sekatan ke atas jenis lampu.**

12. (1) Sesebuah basikal tidak boleh menunjukkan cahaya merah ke hadapan.

(2) Sesebuah basikal tidak boleh menunjukkan sebarang cahaya selain dari cahaya merah ke belakang.

**Memakai topi keledar pelindung.**

13. (1) Tiap-tiap orang yang menunggang basikal di atas jalan raya hendaklah memakai topi keledar pelindung.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan peraturan kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$500, dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Topi keledar pelindung.**

14. (1) Topi keledar pelindung adalah topi keledar berhubung dengan bentuk, pembuatan, pelabelan, penandaan dan kualiti-kualiti lain yang mematuhi kehendak-kehendak satu atau lebih dari piawaian-piawaian yang berikut —

1. Canadian Standards Association CAN/CSA D113.2-M89 (Cycling Helmets).
2. Snell Memorial Foundation B-95 (1995 Standard for Protective Headgear for Use with Bicycles).
3. Snell Memorial Foundation B-90 (1990 Standard for Protective Headgear for Use in Bicycling).
4. Snell Memorial Foundation B-90S (1994 Supplementary Standard for Protective Headgear for Use with Bicycles).
5. American National Standards Institute ANSI Z90.4-1984 (American National Standard for Protective Headgear for Bicyclists).
6. American Society for Testing and Materials ASTM F1447-94 (Standard Specification for Protective Headgear Used in Bicycling).
7. British Standards Institute BS 6863:1989 (British Standard Specification for Pedal Cyclists' Helmets).
8. Standards Association of Australia AS 2063.2-1990 (Part 2: Helmets for Pedal Cyclists).
9. Snell Memorial Foundation N-94 (1994 Standard for Protective Headgear: for Use in Non-Motorised Sports).
10. United States Consumer Product Safety Commission (CPSC) 16 CFR Part 1203 Safety Standards for Bicycle Helmets. O. Reg. 411/95, s. 1; O. Reg. 38/03, s.1 {1}.

(2) Topi keledar itu hendaklah mempunyai tanda autoriti piawaian atau tanda pengeluar yang menunjukkan bahawa topi keledar itu memenuhi piawaian yang ditetapkan.

(3) Rujukan kepada suatu piawaian dalam peraturan kecil (1) termasuk sebarang pindaan yang dibuat kepada piawaian tersebut, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini.

**Hukuman.**

15. Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini (kecuali peraturan kecil (1) peraturan 13) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jadi sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$200 dan dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$500.

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 15 haribulan Mac, 2006.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA  
HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG,  
Menteri Perhubungan,  
Negara Brunei Darussalam.

No. S 50

ROAD TRAFFIC ACT  
(CHAPTER 68)

ROAD TRAFFIC (BICYCLES) REGULATIONS, 2006  
ARRANGEMENT OF REGULATIONS

**Regulation**

1. Citation.
  2. Interpretation.
  3. Towing not permitted.
  4. Restriction on number of persons carried.
  5. Riders to give signals.
  6. Signals to be made in sufficient time.
  7. Travelling abreast prohibited.
  8. Bicycle to be ridden on the left side of road.
  9. Load on bicycle.
  10. Bicycle to be ridden in orderly manner.
  11. Lights to be carried by bicycles during darkness.
  12. Restrictions on nature of lights.
  13. Wearing of protective helmets.
  14. Protective helmets.
  15. Penalty.
-

ROAD TRAFFIC ACT  
(CHAPTER 68)

ROAD TRAFFIC (BICYCLES) REGULATIONS, 2006

In exercise of the power conferred by section 93 of the Road Traffic Act, the Minister of Communications, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, hereby makes the following Regulations —

**Citation.**

1. These Regulations may be cited as the Road Traffic (Bicycles) Regulations, 2006.

**Interpretation.**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires —  
"bicycle" means a pedal bicycle and includes a pedal tricycle;  
"hours of darkness" means the time between sunset and sunrise;  
"protective helmet" means a helmet referred to in regulation 14.

**Towing not permitted.**

3. No bicycle shall be towed by any other vehicle, when on any road.

**Restriction on number of persons carried.**

4. No bicycle shall be used to carry at any one time more persons than the number for which it is designed and no pillion passenger shall be carried on a bicycle:

Provided that a child under 12 years of age may be carried on a properly constructed seat or carrier affixed to a pedal bicycle.

**Riders to give signals.**

5. The rider of a bicycle shall, in order to inform traffic that he intends —  
*(a)* to 'stop', hold out his right arm horizontally with the forearm vertical and with the palm of the hand to the front;

(b) to 'slow down', hold out his right arm horizontally with the palm of the hand downwards, and move the arm up and down several times

(c) to 'proceed to the right', hold out his right arm horizontally with the palm of the hand to the front; and

(d) to 'proceed to the left', hold out his left arm horizontally with the palm of the hand to the front.

**Signals to be made in sufficient time.**

6. Signals under regulation 5 shall be made in sufficient time to enable traffic to take appropriate action for the avoidance of danger.

**Travelling abreast prohibited.**

7. (1) No pedal bicycle shall be ridden on the right of another vehicle proceeding in the same direction except when overtaking such other vehicle.

(2) No bicycle shall be ridden on the right of any 2 other bicycles proceeding abreast in the same direction, except when overtaking such other bicycles or on parts of roads or paths set aside for the exclusive use of bicycles.

(3) Wherever any part of a road or a path adjacent to a road has been set aside for the exclusive use of bicycles, no bicycle shall be used on any other part of the roadway.

**Bicycle to be ridden on the left side of road.**

8. Every bicycle shall be ridden close to the left hand edge of the roadway and in such a manner as not to obstruct vehicles moving at a faster speed.

**Load on bicycle.**

9. (1) No load on any bicycle shall weigh more than 18 kilogrammes or be as such dimensions as to cause or be likely to cause danger, obstruction or annoyance to persons using the road, and every load shall be properly and rigidly secured to the bicycle.

(2) No load on any pedal tricycle shall overhang the body fitted thereto nor shall the height of any such load be more than one metre from the ground.

**Bicycle to be ridden in orderly manner.**

10. No bicycle shall be ridden or propelled otherwise than in an orderly manner and with due regard for the safety of others.

**Lights to be carried by bicycles during darkness.**

11. (1) Every bicycle shall, during the hours of darkness, carry a lamp showing to the front a white light visible from a reasonable distance.

(2) Every pedal tricycle shall, during the hours of darkness, carry a lamp fixed to the offside of the vehicle and showing to the front a white light visible from a reasonable distance.

(3) Every bicycle shall, during the hours of darkness, carry a lamp or a red reflector showing to the rear a red light or a red reflector visible from a reasonable distance.

**Restrictions on nature of lights.**

12. (1) No bicycle shall show a red light to the front.

(2) No bicycle shall show any light other than a red light to the rear.

**Wearing of protective helmets.**

13. (1) Every person who rides bicycle on a road shall wear a protective helmet.

(2) Any person whom contravenes the provisions of sub-regulation (1) is guilty of an offence and liable on conviction to a fine not exceeding \$500, imprisonment for a term not exceeding one year or both.

**Protective helmets.**

14. (1) A protective helmet is a helmet which conforms as respects shape, construction, labelling, marking and other qualities to the requirements of one or more of the following standards —

1. Canadian Standards Association CAN/CSA D113.2-M89 (Cycling Helmets).
2. Snell Memorial Foundation B-95 (1995 Standard for Protective Headgear for Use with Bicycles).

3. Snell Memorial Foundation B-90 (1990 Standard for Protective Headgear for Use in Bicycling).
4. Snell Memorial Foundation B-90S (1994 Supplementary Standard for Protective Headgear for Use with Bicycles).
5. American National Standards Institute ANSI 290.4-1984 (American National Standard for Protective Headgear for Bicyclists).
6. American Society for Testing and Materials ASTM F1447-94 (Standard Specification for Protective Headgear Used in Bicycling).
7. British Standards Institute BS 6863:1989 (British Standard Specification for Pedal Cyclists' Helmets).
8. Standards Association of Australia AS 2063.2-1990 (Part 2: Helmets for Pedal Cyclists).
9. Snell Memorial Foundation N-94 (1994 Standard for Protective Headgear: for Use in Non-Motorised Sports).
10. United States Consumer Product Safety Commission (CPSC) 16 CFR Part 1203 Safety Standards for Bicycle Helmets. O. Reg. 411/95, s. 1; O. Reg. 38/03, s. 1 (1).

(2) The helmet shall bear the mark of the standards authority or the mark of the manufacturer showing that the helmet meets the prescribed standard.

(3) A reference to a standard in sub-regulation (1) includes any amendment made to that standard, whether before or after the commencement of these Regulations.

**Penalty.**

15. Any person who fails to comply with any provision of these Regulations (except sub-regulation (1) of regulation 13) is guilty of an offence and liable on conviction to a fine not exceeding \$200 and in the event of a second or subsequent conviction to a fine not exceeding \$500.

Made this 15th. day of Safar, 1427 Hijriah corresponding to the 15th. day of March, 2006.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA  
HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG,  
Minister of Communications,  
Brunei Darussalam.

---

Dicetak oleh PENGIRAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN PENGIRAN SERI WIJAYA  
PENGIRAN HAJI AHMAD, Pemangku Pengarah Percetakan,  
di Jabatan Percetakan Kerajaan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Harga B\$5.00